

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD

TARIKH : 09 DISEMBER 2021

SOALAN

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah inisiatif dan perancangan strategik kementerian bagi memudah cara bantuan bersama NGO kepada para gelandangan di kawasan ibu negara agar lebih sistematik dan tidak mengganggu persekitaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengurusan gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan usaha yang bersepadu yang melibatkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga DBKL dan pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan. Kerjasama sedia ada ini sentiasa diperkukuh dari semasa ke semasa bagi memastikan segala perancangan program bina upaya gelandangan dan program pemberian bantuan kepada gelandangan ini mencapai objektif.

Dalam perspektif pihak berkuasa, program agihan bantuan kepada gelandangan perlu diselaraskan dan dipantau secara lebih tersusun dan sistematik supaya ia tidak menjejaskan kebersihan di tapak-tapak program dan aktiviti tersebut serta tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu kepada kesejahteraan warga bandar raya Kuala Lumpur. Bagi memastikan aktiviti agihan bantuan kepada gelandangan ini berjalan lancar, kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama NGO bagi mendapatkan maklum balas dan merancang secara lebih bersistematik program-program bantuan yang bersesuaian di sepanjang tahun.

Untuk makluman Dewan Negara ini, tujuan sesi libat urus yang diadakan bagi memastikan penyediaan dan agihan bantuan makanan ini sama ada makanan, kit kebersihan, pakaian dan program sokongan yang lain seperti kelas kemahiran dan pemeriksaan kesihatan berjalan lancar dan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak kementerian, malah oleh pihak kerajaan sendiri.

Dalam hal ini semua NGO yang hendak membuat agihan bantuan dinasihatkan hendaklah terlebih dahulu memaklumkan ke Jabatan Pembangunan Komuniti DBKL supaya lebih terselaras dan memudahkan

NO SOALAN: 6

pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan. Pada masa yang sama, telah wujud persefahaman di kalangan NGO yang berdaftar di Kuala Lumpur dalam penetapan kawasan agihan supaya tidak berlaku pertindihan dan seterusnya dapat mengelakkan berlakunya pembaziran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP

TARIKH : 09 DISEMBER 2021

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

- (a)apakah langkah-langkah Kementerian dalam menceriakan kembali Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan hiasan landskap di ibu kota ketika ini tidak memperlihatkan identitinya sebagai sebuah bandar raya metropolis; dan
- (b)berapakah jumlah miskin bandar yang dicatatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutamanya selepas pandemik COVID19 dan apakah langkah holistik yang diambil Kementerian untuk membantu kumpulan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Langkah-langkah Kementerian dalam menceriakan kembali Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan hiasan landskap di ibu kota ketika ini tidak memperlihatkan identitinya sebagai sebuah bandar raya metropolis.**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang menjalankan kajian *landscape character assessment* (LCA) di dalam Bandar bagi mengenalpasti potensi landskap karakter yang ingin diperkenalkan atau dikekalkan. Kawasan berpotensi dengan latar belakang semulajadi akan dipelihara dan dilindungi sebagai latar belakang Kuala Lumpur seperti Wangsa Maju dan Setapak bersama Bukit Tabur, taman Bukit Indah, Bandar Tun Razak bersama Bukit Besi, Bukit Jalil, taman Tun Dr, Ismail dan hartamas bersama Bukit Kiara.

Selain itu, DBKL juga sedang mempertingkatkan karakter landskap tepian jalan dengan elemen vertikal, perabot taman dan arca melibatkan jalan –jalan berkarakter seperti Jalan Ampang, Jalan Bukit Bintang, Jalan Gading, Jalan Raja Laut, Jalan Tunku Abdul Rahman serta Jalan Sultan Ismail.

Antara langkah lain yang diambil adalah dengan penambahan densiti hijau secara vertikal bagi mengurangkan kesan pulau haba Bandar dan meningkatkan kualiti udara bagi mencapai sasaran Kuala Lumpur Bandar Raya Rendah Karbon selain menangani isu kekurangan ruang hijau dan tanah yang terhad dan tekanan pembangunan pencakar langit yang meningkat melalui perancangan pembangunan di samping

meningkatkan kualiti dan mempelbagaikan fungsi serta karekter taman / tanah lapang untuk semua penduduk.

Untuk makluman, DBKL juga telah melaksanakan penambahbaikan ruang bandar secara aktif dan kreatif sebagai taman poket (*Pocket Park*) dan plaza dengan menyetengahkan elemen *street art* seperti Jejak Warisan dan *River of Life* serta Medan Pasar. Selain itu, antara langkah proaktif lain yang sedang giat diusahakan adalah cadangan mengindahkan semula kawasan strategik di Kuala Lumpur seperti lorong belakang, lorong sisi, persisiran sungai dan laluan pejalan kaki. Kualiti rekabentuk dipertingkatkan dan diharmonikan dengan karekter dan *genius loci* sesuatu kawasan seperti *KL City Walk* dan Lebuhraya Ampang.

Akhir sekali, DBKL juga sedang melaksanakan rangkaian penghubung taman, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang dilengkapi laluan pejalan kaki dan basikal. Laluan penghubung berbeza mengikut konteks kawasan di pusat bandaraya Kuala Lumpur, kawasan kejiranan, rizab sungai/kolam takungan, laluan belakang, rizab jalan dan saliran, koridor utiliti dan pembangunan persendirian.

b) Berapakah jumlah miskin bandar yang dicatatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutamanya selepas pandemik COVID-19 dan langkah holistik yang diambil Kementerian untuk membantu kumpulan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa prihatin dan komited bagi membantu serta melindungi kebajikan kumpulan miskin bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berdasarkan statistik dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), sehingga 12 November 2021, statistik kemiskinan bagi Wilayah Persekutuan secara keseluruhannya dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) menunjukkan terdapat sebanyak 4,709 Ketua Isi Rumah Berstatus Miskin Tegar dan 5,725 Ketua Isi Rumah Berstatus

Miskin. Usaha menangani isu kemiskinan bandar dan menambahbaik taraf sosioekonomi kumpulan ini melibatkan pelbagai aspek, yang mana memerlukan pengukuhan jaringan keselamatan sosial terutamanya bagi kumpulan rentan.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah mengambil langkahlangkah proaktif dengan mewujudkan Jaringan Keselamatan Sosial bertujuan untuk menangani isu kemiskinan bandar yang telah memberi manfaat kepada penduduk Wilayah Persekutuan yang memerlukan melalui inisiatif bagi meningkatkan sumber ekonomi dan pendapatan seperti Program MYJob@Wilayah, Usahawan Muda Kota dan Wilayah Bebas Berniaga (IWBB). Inisiatif yang kedua dilaksanakan oleh KWP adalah bagi mengurangkan kos sara hidup penduduk bandar melalui Program My Grocer, MySchoolBus, MyMedic dan MyFood.

Selain itu, bagi membantu warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terkesan akibat pandemik COVID-19, Kementerian ini telah melaksanakan Inisiatif Wilayah Cakna (IWC), yang bermula dengan IWC 1.0 mulai 25 Mac 2020, hingga IWC 6.0 pada 27 Jun 2021 melibatkan nilai sebanyak kira-kira RM234.6 juta. Antara manfaat kepada warga ibu kota termasuklah:

- (i) pengecualian sewa kepada kira-kira 40,000 orang penyewa PPR dan Perumahan Awam di Kuala Lumpur;
- (ii) penangguhan bayaran balik pembiayaan pinjaman perumahan kepada 6,000 pemilik PPR dan Perumahan Awam di Kuala Lumpur; dan
- (iii) bantuan makanan kepada kira-kira 65,000 keluarga di Kuala Lumpur.

Pelaksanaan kesemua inisiatif ini merupakan sebahagian usaha kesinambungan serta pengukuhan program jaringan keselamatan sosial kumpulan rentan dan pembangunan sosioekonomi di Wilayah

NO SOALAN: 14

Persekutuan Kuala Lumpur. Inisiatif-inisiatif ini juga dilaksanakan secara bersepadu dengan inisiatif bawah naungan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP

TARIKH : 13 DISEMBER 2021

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah kementerian bercadang untuk mengindahkan Sungai Gombak dan Sungai Klang yang merentasi Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan kaedah yang sama seperti projek pengindahan Sungai Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan Negara yang mulia ini, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mentransformasikan Sungai Klang dan Sungai Gombak kepada ikon *waterfront*, dengan izin, yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi melalui projek *River of Life*.

Seperti Dewan ini sedia maklum, pelaksanaan projek *River of Life* ini terdiri daripada tiga buah komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan juga pembangunan tanah. Secara amnya, projek RoL dilaksanakan di sepanjang 110 kilometer di sekitar Kuala Lumpur yang melibatkan lapan batang sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Kroh, Sungai Kerayong, Sungai Ampang dan juga Sungai Bunus.

Untuk makluman Yang Berhormat, komponen pengindahan sungai melibatkan kerja-kerja menaik taraf taman-taman awam, fasiliti laluan pejalan kaki dan basikal di pinggiran Sungai Klang dan Sungai Gombak sepanjang 10.7 kilometer serta kawasan tumpuan orang ramai di sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad dan Masjid Jamek Kuala Lumpur yakni dikenali sebagai Presint 7. Masjid India, Jalan Tun Perak, Jalan Tun Tan Cheng Lock dan juga Dataran Merdeka dikenali sebagai pakej 1C dan 1D. Sekitar PWTC sehingga Dang Wangi pula pakej 3A 3B dan sekitar LRT Pasar Seni sehingga Brickfields iaitu pakej 4A 4B.

Keempat-empat pakej ini telah siap pelaksanaannya di tapak, kerja pengindahan sungai yang terlibat untuk Presint 7 merupakan Sungai Klang. Pakej 1C, pakej 1D iaitu Sungai Gombak dan Sungai Klang. Pakej 3A, pakej 3B merupakan Sungai Gombak dan pakej 4A, pakej 4B iaitu Sungai Klang.

Namun kerja pengindahan yang dilaksanakan di kawasan pinggiran sungai ini hanya tertumpu di kawasan-kawasan yang saya nyatakan tadi

dan tidaklah di sepanjang Sungai Gombak dan Sungai Klang yang bermula di sempadan Selangor di Gombak untuk Sungai Gombak dan juga di Jelatek untuk Sungai Klang.

Umum sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, bahawa lokasi projek pengindahan Sungai Melaka atau yang lebih dikenali sebagai *Melaka River Cruise* ini terletak berhampiran dengan Laut Selat Melaka menyebabkan pengaliran air sungai ini tenang dan boleh dikawal dengan pintu air. Manakala, keadaan di Sungai Gombak dan Sungai Klang adalah lebih agresif dan dinamik terutama di kawasan yang merentasi bandar raya Kuala Lumpur. Oleh itu, ia merupakan satu cabaran besar untuk projek RoL dilaksanakan sama seperti projek pengindahan Sungai Melaka, memandangkan kemajuan Projek RoL ketika ini berada pada tahap 94.85 peratus. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Senator untuk diteliti bagi projek-projek baharu yang bakal dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 13 DISEMBER 2021

SOALAN

PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengenakan suatu Zon Kawalan Arak yang khusus di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi terus memperkasakan pengawalan penggunaan minuman beralkohol seperti mana yang dilaksanakan di Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia maklum terhadap Zon Kawalan Arak yang dilaksanakan oleh Singapura. Walau bagaimanapun, kawalan yang dilakukan oleh DBKL adalah seperti dinyatakan dalam Garis Panduan terkini yang dikuatkuasakan pada 1 November 2021, menyatakan 2 perkara utama iaitu;

- i. Larangan terhadap penjualan liquor di kedai runcit, serbaneka dan kedai ubat cina;
- ii. Larangan terhadap penjualan samsu di WPKL.

Premis perniagaan tersebut tidak boleh berhadapan atau dalam lingkungan jarak 100-meter dari Balai Polis, Rumah Ibadah, Sekolah, Hospital dan Rumah Kediaman.

Walaupun bagaimanapun, cadangan ini akan dibincangkan lebih lanjut melalui Lembaga Pelesenan Eksais WPKL jika terdapat keperluan dan kesesuaian terhadap perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 15 DISEMBER 2021

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apa perancangan kementerian sepanjang bulan Februari sempena sambutan Hari Wilayah 2022 dan jumlah bajet yang akan diperuntukkan bagi sambutan tersebut di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan Negara, Hari Wilayah Persekutuan yang disambut pada setiap 1 Februari saban tahun merupakan tarikh penting kepada kita sebagai warga Wilayah Persekutuan bagi memperingati penubuhan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun depan merupakan sambutan kali yang ke-18 yang telah dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan sejak ia diperkenalkan pada tahun 2004.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Ahli Dewan yang mulia ini, sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini, sebanyak 64 program teras, dan 20 lagi program sampingan yang dirancang untuk diadakan pada tahun 2022. Enam buah teras utama sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun 2022 adalah berasaskan kepada pengiktirafan sebanyak satu program, ilmiah dan pendidikan sebanyak lapan program, kemasyarakatan sebanyak 23 program, usahawan sebanyak enam program, seni budaya sebanyak lapan program dan teras yang terakhir ialah program yang berteraskan kepada sukan sebanyak 18 program.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga bahawa sambutan Hari Wilayah Persekutuan kali ini adalah berasaskan kepada tiga asas utama:

- (i) untuk peningkatan semangat perpaduan serta kerjasama merentasi sempadan agama, bangsa, kaum, kalangan warga dan komuniti Wilayah Persekutuan, seiring dengan konsep Kerajaan Malaysia;
- (ii) penerapan nilai-nilai kekeluargaan yang sempurna dalam diri yang seterusnya dapat memelihara keharmonian rakyat Wilayah Persekutuan; dan,

NO SOALAN: 9

- (iii) kepada semua golongan sasar memahami dan menghayati mengenai inisiatif kerajaan melalui idea yang lebih menarik dan kreatif.

Penganjuran pada kali ini juga lebih istimewa kerana turut akan melibatkan sambutan Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, daripada kesemua program dan juga rangkaian aktiviti untuk diadakan dan dilaksanakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Ke-18 bagi tahun 2022, kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM500 ribu bagi keseluruhan sambutan yang telah dirangka dan juga dirancang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 16 DISEMBER 2021

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bila pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hendak memulakan pembinaan Pasar Sentul memandangkan pasar-pasar lama lain di Kuala Lumpur ada yang telah dinaiktarafkan menjadi pasar lebih moden dan selesa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Pasar Sentul adalah antara pasar tradisi yang awal di Kuala Lumpur yang telah dibina pada tahun 1958. Pembangunan yang pesat sekitar pasar tersebut telah menjadikan kawasan pasar agak sesak dan perlu dinaiktarafkan bersesuaian dengan pembangunan semasa. Pasar ini mempunyai bilangan sebanyak 344 buah gerai atau penjaja.

Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, pembangunan semula Pasar Sentul ini akan melibatkan pengambilan semula tanah lot 20008, lot 105, lot 321 hingga 326 yang merupakan salah satu keperluan utama di dalam membangunkan pasar tersebut bagi menyelesaikan masalah keuzuran pasar tersebut dan juga kesesakan lalu lintas. Oleh yang demikian, DBKL akan meneruskan projek pembangunan semula pasar ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH : 20 DISEMBER 2021

SOALAN

DATUK MOHAN A/L THANGARASU minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan pihak Kementerian untuk membantu penjaja yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di Wilayah Persekutuan terutamanya di kawasan Brickfields.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, usaha terkini daripada Kementerian Wilayah Persekutuan khususnya DBKL iaitu memberi bantuan kepada penjaja-penjaja seperti pengecualian bayaran *fee license* untuk tempoh enam bulan mulai Jun hingga Disember 2021 dan diskaun bayaran sewa sebanyak 50 peratus untuk pusat penjaja dan pasar berbangunan DBKL kepada semua penjaja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Baru-baru ini saya telah mengumumkan di Dewan ini bahawa kita bersetuju untuk menyambung Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga ini diteruskan sehingga bulan Mac. Akan tetapi di Dewan Rakyat, saya telah memaklumkan secara bertulis sehingga bulan Jun 2022. Sebenarnya, ia bermaksud kita bagi berfasalah, sampai Mac kita kaji balik, kemudian kita sambung sehingga Jun. Jun itu kira maksimum sebab selepas itu saya kira mereka sudah mampu untuk berdikari dan terus berniaga di Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 20 DISEMBER 2021

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian Wilayah Persekutuan merancang untuk mewujudkan pengurusan bekalan air sendiri kerana kita tidak boleh bergantung penuh kepada Air Selangor yang sering mengalami masalah gangguan bekalan air.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Wilayah Persekutuan (WP) mempunyai sumber air permukaan seperti lembangan sungai, tasik dan empangan. Di WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya, terdapat 3 lembangan sungai utama rentas negeri (interstate river) iaitu Sungai Klang, Sungai Buloh dan Sungai Langat yang meliputi juga 2 negeri bersebelahan, iaitu Selangor dan Negeri Sembilan. Di samping itu, terdapat 1 tasik/empangan di WP Putrajaya. Manakala di WP Labuan pula terdapat 3 empangan.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah mendapat **persetujuan dasar daripada Jemaah Menteri pada 14 Julai 2021** untuk merancang dan **menggubal Rang Undang-Undang bagi menubuhkan sebuah badan kawal selia air** hanya bagi **menguruskan sumber air di Wilayah Persekutuan seperti mana diterangkan sebelum ini.**

Buat masa ini, bidang kuasa perbekalan air berada di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kementerian ini tidak bercadang untuk mengambil alih fungsi SPAN tersebut. Selain itu, buat masa ini juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya masih lagi terikat dengan perjanjian Konsesi Air Selangor sehingga 2034. Kementerian ini juga percaya bahawa isu-isu yang timbul berkaitan bekalan air ini setakat ini telah dapat diselesaikan dengan jayanya oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI ALIAS

TARIKH : 20 DISEMBER 2021

SOALAN

DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI ALIAS minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah secara terperinci hasil yang diterima 4 agensi utama di Wilayah Persekutuan berbanding dengan perbelanjaan mengurus tahunan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan dan berapakah geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan kepada setiap agensi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tiga (3) Agensi utama dibawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang memberikan pulangan hasil kepada negara adalah merupakan Pihak Berkuasa Tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Manakala Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Kampung Bharu adalah dua Agensi dibawah KWP yang tidak menjalankan sebarang aktiviti kutipan hasil.

Berikut adalah ringkasan terimaan hasil yang diperolehi oleh 3 Agensi terbabit:

1. Bagi DBKL;

- i. Hasil yang diterima pada tahun 2016 adalah RM2.93 bilion berbanding RM28 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- ii. Hasil yang diterima pada tahun 2017 adalah RM2.96 bilion berbanding RM9 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- iii. Hasil yang diterima pada tahun 2018 adalah RM3.69 bilion berbanding RM4 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- iv. Hasil yang diterima pada tahun 2019 adalah RM2.93 bilion berbanding tiada geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

2. Bagi PPj;

- i. Hasil yang diterima pada tahun 2016 adalah RM185 juta berbanding RM158.4 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- ii. Hasil yang diterima pada tahun 2017 adalah RM329 juta berbanding RM95 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- iii. Hasil yang diterima pada tahun 2018 adalah RM236.9 juta berbanding RM87.6 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- iv. Hasil yang diterima pada tahun 2019 adalah RM247.5 juta berbanding RM85 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

3. Manakala bagi PL pula;

- i. Hasil yang diterima pada tahun 2016 adalah RM49.1 juta berbanding RM49.1 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- ii. Hasil yang diterima pada tahun 2017 adalah RM39.8 juta berbanding RM51 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- iii. Hasil yang diterima pada tahun 2018 adalah RM32.9 juta berbanding RM59.4 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.
- iv. Hasil yang diterima pada tahun 2019 adalah RM38.6 juta berbanding RM60.6 juta geran peruntukan Persekutuan yang disalurkan.

Ringkasan Geran Peruntukan yang Disalurkan berbanding Hasil Terimaan yang diterima oleh Agensi dibawah KWP adalah seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 21 DISEMBER 2021

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah sebenarnya nisbah (plot ratio) pembangunan berbanding keluasan tanah bagi bangunan-bangunan yang berada di Parlimen Bukit Bintang terutamanya yang membabitkan Kawasan Pusat Perniagaan (Central Business District).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Nisbah Plot adalah merupakan satu ukuran intensiti pembangunan yang dicadangkan berbanding dengan keluasan tanah (tapak).

Bahagian 1, Seksyen 2- Akta 267, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 mendefinisikan nisbah plot sebagai " nisbah di antara jumlah luas lantai sesuatu bangunan dengan luas plot bangunan itu".

Nisbah plot bagi kawasan perdagangan di Bukit Bintang adalah berdasarkan ketetapan yang telah diwartakan di dalam Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) iaitu diantara 1:4 hingga 1:7.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 22 DISEMBER 2021

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyak pokok yang telah ditebang dan ditanam semula di Kuala Lumpur untuk memastikan kelestarian kawasan hijau di ibu kota terus terpelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi memastikan kelestarian kawasan hijau di ibu kota terus terpelihara sepanjang tahun 2021, pihak DBKL telah menebang pokok sebanyak 8,712 batang pokok. Pokok yang telah ditebang ini adalah berdasarkan pada isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan aduan daripada rakyat serta masyarakat, penduduk sekitar di ibu kota. Contohnya pokok yang condong, pokok yang boleh mendatangkan risiko dan pokok yang telah sekah dan sebagainya.

Penebangan ini juga melibatkan pokok-pokok yang telah berusia, yang telah dinilai secara terperinci yang melibatkan tahap satu, dua dan tiga berasaskan kepada laporan keselamatan oleh pihak yang berkenaan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekalkan kawasan hijau di bandar raya Kuala Lumpur ini, sehingga Oktober 2021, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menanam sebanyak 146,582 pokok daripada pelbagai kategori dan spesies.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Wilayah Persekutuan juga telah menyasarkan penanaman satu juta- batang pokok di Wilayah Persekutuan sehingga tahun 2025 bagi menyumbang pada program 100 juta batang pokok oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Bagi melaksanakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok ini, pihak DBKL telah mengenal pasti beberapa buah kawasan penanaman pokok yang bersesuaian di seluruh Kuala Lumpur. Antara kawasan yang terlibat untuk makluman Dewan yang mulia ini adalah:

- (i) kawasan sekitar kawasan 19 taman awam di bawah penyelenggaraan DBKL;

- (ii) kawasan-kawasan lapang yang berpotensi untuk dibangunkan yang telah pun diwartakan;
- (iii) 400 lokasi taman permainan kanak-kanak di bawah DBKL di seluruh Kuala Lumpur;
- (iv) kawasan bahu jalan bagi tujuan pergantian atau penanaman baharu di seluruh Kuala Lumpur;
- (v) kawasan rizab sungai atau takungan banjir secara usaha sama agensi terlibat; dan
- (vi) kawasan pembangunan persendirian oleh pemaju di seluruh Kuala Lumpur.

Penanaman di kawasan-kawasan yang dikenal pasti ini akan dibuat melalui beberapa kaedah, Yang Berhormat. Kaedah projek pemindahan secara dalaman, program acara kempen penanaman oleh DBKL dan kementerian, sumbangan oleh pihak swasta dan pelbagai program-program yang melibatkan pihak kementerian dan juga pihak swasta, Tuan Yang di-Pertua.

Lanjutan daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan telah meningkatkan komitmen bagi program penanaman pokok yang telah dinyatakan di dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober 2021 yang lalu untuk menambah penanaman pokok sebanyak dua juta dan menjadikan sasaran sehingga tahun 2025 berjumlah tiga juta pokok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN
NAIR**

SOALAN

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan usaha-usaha yang sedang
digerakkan di kota raya Kuala Lumpur bagi memastikan :-

- (a) kebajikan harian serta kesihatan para gelandangan dapat diberi penjagaan dan kucing-kucing jalanan (stray cats) terpelihara dari aspek makan-minum mereka; dan
- (b) keselamatan mereka yang menaiki skuter elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a-i) Isu gelandangan:

Sejak bermula gelombang pandemik Covid-19 pada Mac 2020, KWP melalui DBKL mengambil pelbagai inisiatif bagi mengekang penularan wabak ini dalam komuniti gelandangan memandangkan mereka tidak mempunyai tempat tinggal mahupun tidak mampu membeli makanan dan keperluan harian yang lain. Sebagai pihak berkuasa tempatan di Kuala Lumpur, DBKL dengan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan berkaitan dan badan bukan kerajaan (NGO) melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- i. Menjalankan Operasi Menyelamat Gelandangan;
- ii. Mewujudkan Penempatan Sementara Gelandangan (PSG);
- iii. Mewujudkan Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana;
- iv. Menyelaraskan Pemusatan Agihan Makanan; dan
- v. Menjalankan Program Pemberian Vaksinasi Kepada Gelandangan.

Operasi menyelamat gelandangan ini mensasarkan gelandangan di sekitar bandar Kuala Lumpur dan diberi penempatan di Pusat Sementara Gelandangan memandangkan mereka turut terdedah kepada pandemik Covid-19. Mereka diberi keperluan asas iaitu tempat perlindungan, pakaian, makanan, rawatan kesihatan dan latihan kemahiran. Antara program yang diwujudkan di Pusat Sementara Gelandangan adalah Program Pencarian Kerja dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja dan majikan syarikat swasta. Gelandangan juga dihantar ke Program Pemerkasaan Gelandangan untuk membina kekuatan fizikal, kerohanian dan jati diri.

Di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana di Taman Desa, pelbagai aktiviti diwujudkan seperti Kebun Warrior (Kebun Bandar), DIY, Kitar Semula, seni jahitan, kaunseling, motivasi, program keagamaan, seni melukis, panduan perniagaan (dropship), Pencarian Kerja (job-matching) dan riadah.

(a-ii) Kucing-kucing Jalanan (*Stray Cats*):

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Unit Kawalan *Pest*, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL sedang menjalankan dan menggiatkan usaha Program dan Kempen Adopsi Anjing dan Kucing dikalangan warga kota Kuala Lumpur. Program Adopsi Anjing dan Kucing ini juga telah diwar-warkan di media sosial rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta telah mendapat sambutan hangat dan positif dalam kalangan masyarakat. Sejak dari itu, ramai di kalangan warga kota mengunjungi Unit Kawalan *Pest* untuk turut serta mengambil anjing dan kucing bagi tujuan adopsi.

Selain itu, Unit Kawalan *Pest*, juga sedang menambahbaik pusat kurungan haiwan, dengan menyediakan satu sudut khas untuk Program Adopsi Anjing dan Kucing. Sudut ini yang mesra pengunjung akan memberi keselesaan kepada pengunjung dan juga haiwan serta menyediakan info- info yang menarik berkaitan anjing dan kucing kepada warga kota. Tambahan juga, sudut adopsi ini akan menyediakan peluang kepada orang awam untuk datang memberi sumbangan makanan haiwan dengan lebih telus dan terbuka.

Diharapkan, dengan adanya program seperti ini, dapat memberi kesedaran dan pendedahan kepada orang awam berkaitan isu-isu kucing dan anjing liar di kota raya serta dapat memulihkan pandangan dan persepsi orang awam terhadap Unit Kawalan *Pest*, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar.

(b) keselamatan mereka yang menaiki skuter elektrik

Skuter elektrik adalah merupakan salah satu jenis mod pengangkutan yang dikategorikan dalam kenderaan mikro mobiliti. Peruntukan undang-undang khas dan garis panduan bagi membenarkan kenderaan mikro mobiliti sedang dalam proses untuk dimuktamadkan oleh pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Sebelum penggunaan skuter elektrik dibenarkan, DBKL perlu mengambilkira perancangan yang menyeluruh dalam penyediaan kemudahan infrastruktur bagi kenderaan mikro mobiliti ini. Antaranya adalah pihak DBKL perlu:

- a) Membentuk garis panduan baharu khusus bagi kenderaan mikromobiliti;
- b) Menyediakan kemudahan kenderaan mikro mobiliti seperti petunjuk arah, tempat letak kenderaan, tempat cas, tempat rehat dan lain-lain;
- c) Mengenalpasti kawasan-kawasan tertentu yang bersesuaian untuk kegunaan skuter elektrik. Contoh seperti di Zon Pelancongan dan Zon Rekreasi; dan
- d) Menetapkan had laju skuter elektrik yang bersesuaian bagi menjamin keselamatan pengguna.

Bagi menjamin faktor keselamatan pengguna skuter elektrik di Kuala Lumpur, pihak DBKL akan bekerjasama dengan agensi yang berkaitandalam perancangan rangkaian kenderaan mikro mobiliti bagi memperincikan kaedah pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI

SOALAN

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan Wilayah Persekutuan menjadi bandar yang mesra OKU di dunia serta adakah terdapat sebarang pelan *blueprint* bagi mewujudkan bandar inklusif OKU dan warga emas di Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan matlamat ‘Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif, Mampan’, yang membolehkan penduduk Wilayah Persekutuan menikmati taraf hidup yang lebih baik sejajar dengan Agenda 2030 Pembangunan Mampan, salah satu aspek yang dititikberatkan ialah reka bentuk sejagat dan kemudahan akses tanpa halangan fizikal. Aspek ini memberi penekanan kepada kemudahan bagi kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Ciri-ciri reka bentuk sejagat dalam pembangunan bandar telah diterapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan terutamanya di dalam penyediaan kemudahan awam termasuk bangunan awam, kawasan rekreasi, pengangkutan awam, laluan pejalan kaki, hentian bas, tempat letak kereta, railing tangga, lif, eskalator, perabot jalan dan kemudahan lain. Penyediaan akses tanpa halangan fizikal juga telah diperluaskan di kawasan-kawasan komersial, pusat membeli belah, dan bangunan pejabat.

Secara umumnya, di peringkat Wilayah Persekutuan keperluan kemudahan OKU telah dilaksanakan melalui penerimapaiaan akta, dasar dan garis panduan serta piawaian sedia ada. Ini termasuklah Akta Jalan dan Parit Bangunan 1974, Akta Orang Kurang Upaya 2008, Garis Panduan Reka bentuk Sejagat dan Garis Panduan Perancangan Fizikal Warga Emas, piawaian SIRIM Malaysia seperti MS1184:2014, AMD.1:2017, MS2015, MS1183, MS2015, MS2577, MS1402 serta dasar yang ditetapkan di dalam Rancangan Pemajuan di semua PBT Wilayah Persekutuan.

Rujukan kepada akta, dasar dan garis panduan serta piawaian sedia ada tersebut telah diambil kira di dalam memproses dan mempertimbangkan kelulusan pelan bangunan. Ini termasuklah pemilihan bahan dan produk kemudahan OKU terutamanya di premis-premis seliaan PBT.

Oleh yang demikian, Kementerian percaya dengan sokongan Kerajaan melalui RMKe-12 untuk memperluas dan memperkasa kemudahan OKU ke seluruh kawasan parlimen serta mewujudkan lebih banyak bandar mesra warga emas pada masa akan datang akan menggalak dan meningkatkan lagi nilai perkongsian, inklusif dan kesamarataan di dalam perancangan dan pembangunan kumpulan tersebut setanding dengan negara-negara maju di dunia.

Sekian. terima kasih.